

**"Father Augustus Chen" perlu tampil dan buktikan kewujudannya, gesa Kit Siang
Malaysian Insider
Aug 6 , 2013
Oleh Md Izwan**

Penasihat DAP, Lim Kit Siang (gambar) menggesa Father Augustus Chen yang menuduh berlaku penipuan dalam pemilihan Jawatankuasa Eksekutif Pusat (CEC) supaya tampil dan membuktikan kewujudannya ke atas semua dakwaannya.

Lim berkata, Father Augustus Chen sebenarnya adalah watak yang direka oleh kerajaan pemerintah semata-mata untuk membatalkan pendaftaran DAP.

"Saya katakan bahawa Father Augustus Chen yang digunakan oleh pemerintah Umno dan BN untuk membatalkan pendaftaran DAP adalah watak palsu.

"Kami beri tempoh seminggu kepada Father Augustus Chen untuk muncul dan buktikan dia bukan watak yang direka. Jika gagal, Pendaftar Pertubuhan (RoS) perlu mempertimbangkan semula keputusannya atas arahan mengadakan pilihan raya parti semula," kata Lim dalam satu kenyataan media hari ini.

Kata Lim, isu pemilihan CEC dijadikan modal oleh Umno dan Barisan Nasional (BN) sebagai kempen perang saraf kerana tiga parti komponen utama BN bakal mengadakan pemilihan parti masing-masing tidak lama lagi.

"Adakah mereka bersedia mengakui bahawa Father Augustus Chen adalah sebahagian daripada perang saraf ke atas DAP?" katanya.

Semalam, Lim membidas Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Hassan Malek yang memetik kenyataan Father Augustus Chen sebagai isyarat jelas konspirasi oleh Umno dan BN yang jelas luar biasa untuk memberi tekanan kepada DAP.

Katanya, tuduhan luar biasa terhadap pemilihan DAP oleh Father Augustus Chen dalam bukunya tidak lain hanya menyebarkan penipuan.

Selain itu, katanya, semua tuduhan tidak berasas diterbitkan dalam sebahagian laporan 400 anti DAP dan tulisan media milik Umno BN sejak Januari terutama dalam Utusan Malaysia dan New Straits Times.

Akhbar milik Umno, Utusan Malaysia melaporkan kontroversi pemilihan CEC DAP semakin menarik selepas pendedahan Laporan Ekuiti (Penipuan Pemilihan CEC) tulisan Father Augustus Chen yang menyatakan secara terperinci penipuan dalam pemilihan itu sejak 47 tahun lalu.

Laporan itu pertama kali didedahkan Ketua Cawangan DAP Jalan Bagan Luar, G Asoghan pada 20 Julai lalu yang menerimanya dalam dua versi iaitu bahasa Melayu dan bahasa Tamil melalui kiriman pos.

Ekoran pendedahan buku itu, bekas Ahli Parlimen Wangsa Maju, Wee Choo Keong mendakwa, Father Augustus Chen pernah menjadi rakan karib kepada Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng sekali gus memperlihatkan buku itu mempunyai kredibiliti. – 6 Ogos, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/father-augustus-chen-perlu-tampil-dan-buktikan-kewujudannya-gesa-kit-siang>